



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/10/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tiada kesan tembakan pada bangkai gajah pygmy

KUALA LUMPUR - Tiada kesan tembakan ditemui pada bangkai seekor gajah pygmy dewasa yang ditemukan mati di sebuah ladang kelapa sawit di Beluran, Sabah pada Sabtu lepas.

Bagaimanapun, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Pasukan Gerakan Am) Bukit Aman, Datuk Mastor Mohd Ariff berkata, terdapat lima kesan luka pada bahagian badan haiwan itu.

"Kejadian ini masih dalam siasatan dan kes telah diserahkan kepada Pesuruhjaya Polis Sabah untuk maklumat lanjut," katanya pada sidang media di Bukit Aman semalam.

Menurutnya, setakat ini, suspek terlibat membunuh haiwan berkenaan masih belum dikenal pasti dan kes itu disiasat mengikut

Seksyen 25(1) Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 kerana memburu haiwan dilindungi.

Sehubungan itu, Mastor meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes itu supaya tampil ke balai polis berhampiran atau menghubungi bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Beluran untuk membantu siasatan.

Bangkai gajah pygmy jantan dipercayai mati kira-kira lima hari itu ditemukan di ladang sawit terbabit dengan beberapa kesan luka dan tanpa gading.

Pada 25 September lepas, bangkai seekor gajah pygmy ditemukan di Sungai Udim Dumpas, Kalabakan, Tawau dengan kesan tembakan, yang mana enam individu ditahan untuk membantu siasatan. - *Bernama*